



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

...

Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

**Untuk makluman:**

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 26 Mac 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

## Jualan Rahmah Aidilfitri diperbanyakkan lagi pada minggu terakhir Ramadan

**PUTRAJAYA** - Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) Aidilfitri akan diperbanyakkan lagi pada minggu terakhir Ramadan bagi memberi peluang kepada orang ramai melakukan persiapan menyambut lebaran dengan harga lebih rendah.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, PJRM Aidilfitri pada awalnya dijadualkan sebanyak 723 siri di seluruh negara bagi tempoh 17 hingga 30 Mac ini.

"Kita akan melipatgandakan melebihi 723 siri PJRM Aidilfitri sebagai bantuan kepada mereka yang memerlukan penjualan barang-barang Unit Simpanan Stok (SKU) pada kadar diskaun 10 hingga 30 peratus berbanding harga pasaran semasa.

"Kita mendapat sambutan cukup baik, itu sebab kita atur sebanyak mungkin siri PJRM Aidilfitri di seluruh negara khususnya di kawasan golongan sasar, kita tambah lebih lagi kerapannya," katanya selepas Majlis Perhimpunan Bulanan dan Ihya' Ramadan KPDN 2025 di sini pada Selasa.

Terdahulu, pada majlis itu, Armizan menyampaikan



Armizan (tiga dari kanan) melihat barang PJRM Aidilfitri ketika menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan dan Program Ihya' Ramadan di Bangunan KPDN, Putrajaya pada Selasa.

sumbangan Wakalah Zakat Korporat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berupa 34 unit mesin dialisis bernilai RM1.3 juta kepada Kementerian Kesihatan dan Waqaf An-Nur Corporation Bhd.

Armizan berkata, pelaksanaan PJRM Aidilfitri diharap dapat membantu meringankan beban masyarakat khususnya menjelang persiapan

menyambut sambutan Aidilfitri.

Beliau berkata, orang ramai boleh menyemak lokasi dan tarikh PJRM Aidilfitri di <https://www.kpdn.gov.my/ms/jualan-rahmah>.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan turun padang memantau sendiri harga jualan barang di lokasi terpilih PJRM Aidilfitri pada Khamis ini," katanya.

## PJRM Aidilfitri diperbanyak pada minggu akhir Ramadan

**PUTRAJAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memperbanyakkan Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) Aidilfitri di minggu terakhir Ramadan, kata Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata PJRM Aidilfitri itu pada awalnya dijadualkan sebanyak 723 siri di seluruh negara bagi tempoh 17 hingga 30 Mac ini.

“Kita akan melipatgandakan (lebih 723 siri) PJRM Aidilfitri sebagai bantuan kepada mereka yang memerlukan penjualan barang-barang Unit Simpanan Stok (SKU) pada kadar diskaun 10 hingga 30 peratus (berbanding harga pasaran semasa).

“Kita mendapat sambutan yang cukup baik, itu sebab kita atur sebanyak mungkin siri PJRM Aidilfitri di seluruh negara khususnya di kawasan-kawasan golongan sasar, kita tambah lebih lagi kekerapannya,” katanya kepada media selepas Majlis

Perhimpunan Bulanan dan Ihya Ramadan KPDN 2025, di sini semalam.

Armizan berkata pelaksanaan PJRM Aidilfitri itu diharap dapat membantu meringankan beban masyarakat khususnya menjelang persiapan menyambut sambutan Aidilfitri.

Beliau berkata orang ramai boleh menyemak lokasi dan tarikh PJRM Aidilfitri di <https://www.kpdn.gov.my/ms/jualan-rahmah>.

Menurut Armizan, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan turun padang pada Khamis ini untuk memantau sendiri harga jualan barang di lokasi terpilih PJRM Aidilfitri.

Sementara itu, pada majlis berkenaan Armizan menyampaikan sumbangan Wakalah Zakat Korporat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berupa 34 unit mesin dialisis bernilai RM1.3 juta kepada Kementerian Kesihatan dan Waqaf An-Nur Corporation Bhd. — Bernama

# PM turun padang tinjau harga barang

## Semua pihak diminta patuhi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memastikan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Aidilfitri terus dipatuhi semua pihak.

Perdana Menteri sendiri akan turun padang bagi melakukan tinjauan harga barang terkawal yang termasuk dalam SHMMP termasuk meneliti peraturan dilaksanakan bagi memastikan pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan.

Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata pemantauan berterusan bagi SHMMP yang berkuat kuasa mulai kelmarin hingga 7 April ini penting bagi menjamin satu tempoh wajar dan mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan komuniti peniaga.

Katanya, penentuan harga melalui skim itu dibuat selepas mengambil kira pandangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM), agensi kerajaan berkaitan dan

pemain industri.

"Perdana Menteri telah mengarahkan KPDN untuk memastikan pelaksanaan SHMPP sempena hari raya yang akan berkuat kuasa 24 Mac hingga 7 April ini, terus dipatuhi semua pihak.

"Ini penting bagi menjamin suatu tempoh yang wajar dan mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan komuniti peniaga," katanya pada Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri (PMO) yang disiarkan melalui Facebook PMO Malaysia, semalam.

### 2 kementerian bekerjasama

Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri turut mengarahkan KPDN terus bekerjasama dengan KPBM bagi melakukan tindakan susulan termasuk menggandakan pemantauan dan penguatan kepada menjamin bekalan barang keperluan rakyat sepanjang musim perayaan sentiasa mencukupi.

Pada masa sama, pengguna dinasihatkan untuk terus membuat laporan kepada KPDN sekiranya terdapat sebarang masalah membabitkan harga barang sepanjang musim perayaan ini.

Sementara itu, Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri mengarahkan agensi dan pihak yang berkaitan supaya segera turun padang bagi membantu pengrusaan pasca banjir di Johor dan Sabah.

Beliau berkata, langkah susu-

lan itu penting bagi meringankan beban ditanggung mangsa banjir terutama menjelang sambutan Aidilfitri tidak lama lagi.

"Mengambil kira situasi di Johor dan Sabah yang kini beransur pulih, seharusnya semua pihak termasuk badan bukan kerajaan dan sektor swasta, menggembung tenaga membantu mempermudahkan kesulitan dihadapi mangsa banjir.

"Ekoran bencana terbabit, ia membawa kepada kerosakan hara benda, aset termasuk (menjaskan) persiapan Aidilfitri yang disediakan sebelum ini," katanya.

Dalam pada itu, Anwar turut mengulas prestasi ekonomi negara khususnya laporan tahunan terkini Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM) yang menunjukkan ekonomi negara terus berkembang pesat.

Jelasnya, ia membuktikan reformasi ekonomi yang dilaksanakan Kerajaan MADANI sudah membukahkan hasil awal.

"Pertumbuhan ini didorong oleh laburan domestik yang tertinggi dalam tempoh sedekad, mencerminkan keyakinan pelabur terhadap hala tuju dasar negara.

"Nilai pasaran modal juga mencatat rekod baharu iaitu mencecah RM4.2 trilion dengan kadar pertumbuhan hampir 11 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Ia bukan sekadar angka tetapi petanda positif bahawa asas ekonomi kita semakin kukuh," katanya.



Tunku Nashrul

## PM wants agencies to expedite post-flood aid before Aidilfitri

KUALA LUMPUR: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has instructed relevant agencies to immediately assist in post-flood recovery efforts, particularly in helping affected families clean their homes ahead of Hari Raya Aidilfitri.

Senior Press Secretary to the Prime Minister, Tunku Nashrul Abaidah, said as the flood situation in Johor and Sabah improves, the Prime Minister is urging all parties, including non-governmental organisations and the private sector, to work together in easing the burden faced

by victims.

"This disaster has caused damage to properties and assets and even disrupted Aidilfitri preparations that were made earlier," he said during the Prime Minister's Office's daily briefing broadcast live on the Anwar Ibrahim and PMO Malaysia Facebook pages.

Meanwhile, Tunku Nashrul said the prime minister has also instructed the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) to ensure the effective implementation of the Festive Season

Maximum Price Scheme (SHMMP) for Aidilfitri.

The scheme, in effect from March 24 to April 7, aims to protect consumers and create a fair balance between buyers and traders.

Tunku Nashrul said the price determination under SHMMP was made after consulting the Agriculture and Food Security Ministry (KPKM), relevant government agencies and industry players.

He said the prime minister himself will conduct ground visits to inspect con-

trolled item prices under SHMMP and ensure proper enforcement, including price labelling, so consumers can enjoy fair prices during the festive season.

Tunku Nashrul also said that the prime minister has instructed KPDN to continue working closely with KPKM to ensure sufficient supply of essential goods and to strengthen enforcement efforts.

Consumers are also encouraged to report any pricing issues to KPDN throughout the festive period, he added. — Bernama



CCTV footage shows the suspect rushing out of the premises with a white box containing the stolen cash.

## Pegawai penguatkuasa KPDN ditugaskan di lokasi strategik sepanjang tempoh SHMMP

Lagatoh Toyos & Winnie Kasmir

TAWAU: Pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Cawangan Tawau ditugaskan di lokasi-lokasi strategik sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2025.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDN Tawau, Sam Aminudin berkata, lokasi dikejari pasti termasuk di pasar awam, pasar tani dan pasaraya bagi menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan.

Menurutnya, findakan itu bertujuan untuk melindungi pengguna daripada peniaga yang tidak beretika, khususnya sepanjang 15 hari pelaksanaan SHMMP dari 24 Mac hingga 7 April.

Dalam masa yang sama, beliau meminta kerjasama orang ramai, iaitu sebahagian daripada gerakan massa di bawah kumpulan Kita Gempur, untuk memaklumkan kepada KPDN sekiranya berlaku salah laku oleh mana-mana pihak berhubung ketidakpatuhan ke atas skim.

Katanya, butiran aduan yang lengkap boleh disalurkan menerusi WhatsApp 019-8488000; Call Centre 1-800-886-8099; E-mail [e-aduan@kpdn.gov.my](mailto:e-aduan@kpdn.gov.my); dan Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN.

Terdahulu, Sam berkata 23 jenis barang akan dikawal di bawah skim kali ini bagi Sabah, antaranya Daging Kerbau Import; Ikan Demuduk, Sagai, Cermin atau Cupak (berat antara 3 ekor hingga 5 ekor setiap kilogram); Ikan Kembung Termasuk Ikan Mabung (berat antara 8 ekor hingga 12 ekor setiap kilogram); Ikan Selayang (berat antara 8 ekor hingga 12 ekor setiap kilogram).

Turut dikawal, Kubis Bulat Import (Indonesia dan China Tidak Termasuk Kubis Beijing); Sawi Hijau; Timun; Tomato; Cili Merah; Kacang Panjang; Lobak Merah; Bawang Kuning Besar; Bawang Merah Besar Import; Bawang Merah Kecil India; Bawang Merah Kecil India (Ros) dan Bawang Putih (China).

Selain itu, Ubi Kentang Import (China); Halia Tua Import; Kacang Tanah; Cili Kerang;

ing Keriting; Kelapa Biji; Kelapa Parut dan Santan. Sam berkata, skim ini akan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencututan 2011 dan membolehkan penentuan harga dibuat.

Tambahnya, harga maksimum yang ditetapkan di peringkat borong dan runcit boleh disemak melalui laman web Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup di [www.kpdn.gov.my](http://www.kpdn.gov.my).

Dalam pada itu, katanya, Kerajaan berharap semua pihak dapat mematuhi harga-harga yang sudah ditetapkan ini dan menggunakan label merah jambu bagi barang yang dikawal harganya.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini dan mananya peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencututan 2011," katanya. Peniaga ingkar boleh dikenakan penalti bagi kesalahan menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum iaitu denda sehingga RM100,000 bagi

individu, atau kompaun RM50,000 dan denda RM500,000 atau kompaun sehingga RM250,000 bagi syarikat.

Di SANDAKAN, Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDN Sandakan, Azdy Zukry John berkata penguatkuasaan di sini melibatkan kawasan Sandakan, Kinabatangan, Beluran, Tongod dan Telupid.

Dalam pada itu, Azdy menegaskan kerajaan mewajibkan peniaga menjual barang-barang yang terkawal tidak melebihi harga maksimum yang ditentukan.

"Peniaga harus meletakkan tanda harga berwarna merah jambu ke atas barang harga terkawal bagi membezakannya dengan barang lain.

"Selain memperkenalkan tanda harga ke atas semua barang yang dijual, peniaga perlu memastikan bekalan barang mencukupi di pasaran dan menggunakan alat timbang dan sukar yang telah ditentusahkan," katanya. Azdy berkata tindakan tegas akan dikenakan kepada mana-mana peniaga yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan.



PEGAWAI KPDN melakukan pemeriksaan pematuhan di salah sebuah pasaraya.

## SHMMP HARI RAYA PUASA 2025

# Pegawai KPDN menyamar jadi pengguna pantau harga kawalan

**Alor Setar:** Menyamar sebagai pengguna bagi mengesan penipuan dan golongan peniaga tamak.

Itu tindakan dilakukan pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) dalam meningkatkan pemantauan dan pemeriksaan sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2025, bermula semalam hingga 7 April ini.

Pengarah KPDN Kedah Muhammad Nizam Jamalludin berkata, antara lokasi tumpuan ialah pasar raya, pasar tani, pasar awam, bazar Ramadan dan pusat beli-belah barang keperluan.

Beliau berkata, tiada kompromi kepada mana-mana peniaga yang melanggar peraturan de-

ngan menjual barang melebihi harga kawalan, tidak mempamerkan tanda harga warna merah jambu dan gagal mempamerkan tanda harga atau senarai harga barang kawalan.

“Penyamaran anggota paling efektif setakat ini... Kalau kita memakai uniform orang kenal, jadi kita menyamar... Saya beri amaran patuhi skim ini jika tidak mahu dikenakan tindakan tegas mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011,” katanya, semalam.

Sebanyak 23 jenis barang disenaraikan sepanjang tempoh pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2025 antaranya daging kerbau import, daging lembu

tempatan, ikan kembung, ikan selayang, bawang kuning besar, bawang merah besar import, bawang merah kecil India dan bawang putih.

Selain itu, halia tua import, kubis bulat import, sawi hijau, kacang panjang, timun, tomato, lobak merah, cili merah, cili kering kerinting, ubi kentang import, kacang tanah, kelapa biji, kelapa parut dan santan.

Pada sidang media sama, Muhammad Nizam turut mengajak orang ramai terus mengunjungi premis perniagaan terpilih yang menyediakan Program Jualan Rahmah Madani sempena Hari Raya Aidilfitri dari 20 hingga 30 Mac.

**“  
Kalau kita  
memakai uniform  
orang kenal, jadi  
kita menyamar**

**Muhammad  
Nizam**

阿米占（左）在官员的陪同下，视察“昌明政府关怀销售计划”的销售商品。（马新社图）



## 阿米占：昌明政府關懷銷售計劃 齋戒月最後一週增場次

（布城25日讯）国内贸易及生活消费部长拿督阿米占宣布，将在斋戒月的最后一周增加“昌明政府关怀销售计划”（PJRM）的次数，以帮助更多有需要的人。

他指出，“昌明政府关怀销售计划”最初计划在全国范围内举办723场，活动时间为3月17日至30日。

“我们将加倍举办‘昌明政府关怀销售计划’，为需要购买库存商品的人提供帮助，商品价格比市场价格低10至30%。

“由于反响非常好，因此我们在全国各地安排了更多场次，尤其在目标群体所在的地区，并提升活动的频率。”

阿米占今日出席国内贸易及生活消费部常月集会暨斋月活动上对媒体表示。

### 助减准备节庆经济负担

阿米占希望，“昌明政府关怀销售计划”的实施能在开斋节前夕，帮助减轻民众在准备节庆时的经济负担。

他补充说，民众可以在国内贸易及生活消费部网站 (<https://www.kpdn.gov.my/ms/jualan-rahmah>) 查询“昌明政府关怀销售计划”的地点和日期。

阿米占还提到，首相拿督斯里安华将于本周四亲自前往指定地点，视察

“昌明政府关怀销售计划”活动中的商品价格。



↑民众选购被列为统制品的大红洋葱。（林伟良摄）

←莫哈末夫兹（右起）与林文祥及陈伟达一同察看各类统制品的价格。（林伟良摄）

## 開齋節價格統制計劃開跑 查55商家開5罰單

（峇株巴轄25日訊）柔佛州“开斋节价格统制计划”昨日开跑，首日便有5宗违规案件，都是商家没有使用粉红色价格标识而接获罚单。

柔佛州国内贸易及生活成本局执法主任莫哈末夫兹今日上午在大吉超市巴力拉惹市中心分行，推介“开斋节价格统制计划”。

他说，这项价格统制计划从3月24日进行至4月7日，长达15天。

“此次计划涵盖了26种商品，但柔州只有23种商品的价格受到控制，都是节庆期间需求量较高的生活必需品。”

他透露，该局在昨日展开首日执法行动时，检查柔州各地的55家零售商，共有5宗违规案件，包括新山1宗、昔加末2宗及哥打丁宜2宗。

“上述5宗案件的商家都是没有使用粉红色价格标识，罚款总额为500令吉。”

### 吁商家勿调高价格牟利

他指出，在今年农历新年期间，该局向柔州批发商及零售商展开307项检查行动，共有123宗违规案件，罚款总额多达1万3300令吉。

他呼吁商家在佳节期间遵守条例，切勿随意调高价格牟利。

民众可拨打内贸部热线（1-800-886-800）、通过WhatsApp 019-848 8000、电邮至e-aduan@kpdn.gov.my 或经由手机应用程式“Ez ADU KPDN”投诉。

推介礼出席者包括：柔州内贸易局峇株巴轄分局局长莫哈末夫兹、大吉超市董事经理林文祥及开发部经理陈伟达等。



莫哈末夫兹（中）在莫哈末夫兹（左）及林文祥陪同下，主持“开斋节价格统制计划”推介礼。（林伟良摄）



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

# Egg prices hit a new low

## Retailers say it could go up again after Hari Raya holidays

By YEE XIANG YUN  
xiangyun@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** Consumers have plenty to cheer about as egg prices cracked open to their lowest in years, with some grades now selling at half their usual price.

Checks at sundry shops here found a tray of 30 Grade E eggs selling for as low as RM4, down from RM8.50, which is over a 50% drop.

A tray of Grade C eggs is now priced at RM5.50, down from RM10. Grade D eggs have dropped to RM4.80 per tray, from RM9.

For larger eggs, the price is less significant, with Grade A eggs now priced at around RM11.50 per tray, down from RM13, while Grade B eggs have dropped to RM9 from RM10.50.

Bodybuilder Roby Seng, 31, said the price drop was good news for him as he typically consumes 15 hard-boiled eggs a day for muscle repair and growth.

"I took the opportunity to purchase six trays of Grade C eggs for RM33 after finding out about the price drop.

"I will be sharing them with my family as they usually consume two trays of eggs each week," said Seng, who also works as a physiotherapist.

He said his family members were also taking advantage of the "rare" situation by surveying egg prices in different locations to stock up.

Taman Universiti resident Rohana Dollah, 66, also grabbed the chance to stock up on eggs ahead of Hari Raya Aidilfitri.

"I bought a tray of Grade B' eggs for RM9.60 and Grade D eggs for RM5.40 as the low prices caught my attention while grocery shopping at a community mall in Tampoi.



**Egg-cellent news:** Egg prices have cracked open to their lowest in years, with some grades now selling at half their usual price, giving consumers plenty to cheer about. — THOMAS YONG/The Star

"Although it is about half an hour's drive from my home, I usually shop here as the prices are cheaper compared to the market in my neighbourhood."

"I'm glad to save some money, especially with the prices of many items going up," said the retiree, noting that she spends around RM200 on groceries each week.

However, the relief may be short-lived, as retailers say that prices could go up after Hari Raya Aidilfitri.

Federation of Sundry Goods Merchants Associations committee member Wong Kok Wai said the price drop started in late February and consumers can expect to enjoy cheap eggs for another two weeks before prices return to normal.

"This is happening nationwide, not just in Johor. We expect the prices to go back to normal in the second half of April."

"Egg prices tend to dip before Ramadan each year, but not this significantly."

"This year's price drop ranged from 10% to 50%, which is uncommon."

"The reduced egg prices make it among the lowest we have seen in years," he noted, attributing the price dip to lower egg consumption during the fasting month and reduced exports to countries like Singapore, causing an oversupply in the market.

Wong, who also runs a wholesale and sundry shop here, said some customers expressed "disbelief" when they saw the low

prices, thinking they were for 10 eggs instead of a tray of 30.

"Some shops in the Klang Valley are even running 'buy one tray, get one free' deals to prevent the eggs from going bad."

"My sales of eggs went up by at least 20% last week, as customers have been buying two or three trays per transaction compared with one or two trays before this," he added.

Egg seller P. Vithiya said her customers mostly prefer buying lower-grade eggs as they can purchase higher quantities and enjoy more savings.

"For example, a customer who used to purchase a tray of eggs for RM12, can now get three trays of Grade E eggs for the same amount of money," she added.

## Produk santan kotak Thailand disahkan halal



Chon Siang menunjukkan pengiktirafan sijil halal santan kotak dari Thailand dijual di sebuah pasar raya di Tanjung Lumpur.

**KUANTAN** – Produk santan kotak ke- luaran Thailand dijual di sebuah pasar raya di Tanjung Lumpur di sini disahkan halal selepas pemeriksaan dilakukan pihak berkuasa.

Exco Sumber Manusia dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Sim Chon Siang, berkata pemeriksaan dilakukan sebaik menerima aduan produk tersebut didakwa tidak halal.

“Selepas semakan dilakukan, produk ini disahkan halal oleh badan pen- sijilan Thailand diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), jadi tidak timbul isu ketidaksahihan status halalnya,” katanya.

Chon Siang berkata, pihaknya ber- harap isu ini tidak berpanjangan kerana boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat terutamanya pada Ramadan.

Beliau berkata demikian selepas program tinjauan mesra skim harga maksimum musim perayaan Hari Raya Puasa 2025 di sebuah pasar raya di Jalan Teluk Sisek, di sini pada petang Isnin.

Hadir sama, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Pahang, Jezlily Jamaluddin.

Sebelum ini, satu pesanan dan gambar tersebar di aplikasi WhatsApp mendakwa produk santan jenama PraoHom dari Thailand tidak memiliki sijil halal sah.

Gambar tersebut menunjukkan ko- tak santan UHT berkapasiti 250 milili- ter (ml) dengan wajah seorang chef serta tulisan dalam bahasa Thai dan Inggeris yang menimbulkan keraguan dalam kalangan pengguna Islam.

## 11.4 tan lebihan makanan diselamatkan, 11.9 tan dikompos

KUALA LUMPUR - Sebanyak 11,483 kilogram (kg) lebihan makanan berjaya diselamatkan dengan anggaran nilai hampir RM140,000 melalui program MySaveFood di bawah inisiatif Sifar Sisa di Bazar Ramadan 2025.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan, nilai tersebut turut menyumbang pengurangan pelepasan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) sebanyak 21,532kg.

"Program ini dilaksanakan bermula 5 hingga 26 Mac di 12 lokasi bazar Ramadan sekitar ibu negara termasuk Jalan Wangsa Delima, Sri Rampai, Jalan 3/27A Seksyen 1, Bazar TLK Taman Tasik Permaisuri dan Bazar TLK hadapan UTC Sentul.

"Selain itu, program turut dilaksanakan di bazar Pusat Penjaja Bazaria Pantai, Kampong Bharu (Jalan Raja Alang dan Jalan Raja Uda), Jalan Dato Senu 18, Danau Kota



Pelaksanaan inisiatif Sifar Sisa di Bazar Ramadan 2025 berjaya menyelamatkan 11.4 tan lebihan makanan dan 24 tan berjaya dikitar semula.

(Jalan 3A/6, 4A/6 dan 5A/6) serta Jalan 1/76C dan 3/76D. di Desa Pandan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Dalam pada itu, DBKL berkata, sebanyak 11,990kg sisa makanan dihantar ke pusat pengomposan manakala 24,061 kg sisa bukan makanan dikitar semula menerusi program Pengasingan Sisa Makanan dengan kerjasama Alam

Flora Sdn Bhd.

"Objektif utama program ini untuk mengurangkan jumlah sisa organik dihantar ke tapak pelupusan selaras matlamat DBKL mencapai sifar sisa menjelang 2040.

"Hasil pelaksanaan inisiatif ini menunjukkan pencapaian memberangsangkan apabila mengurangkan jumlah sisa dihantar ke tapak pelupusan dan mengelak pembaziran berterusan," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 26 MAC 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
26-Mar	KPDN Kedah pantau bekalan minyak masak peket menjelang Aidilfitri	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-kedah-pantau-bekalan-minyak-masak-peket-menjelang-aidilfitri">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-kedah-pantau-bekalan-minyak-masak-peket-menjelang-aidilfitri</a>	RTM
26-Mar	Jualan Rahmah Madani Aidilfitri di 66 lokasi seluruh Kedah	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/719513/edisi/utara/jualan-rahmah-madani-aidilfitri-di-66-lokasi-seluruh">https://www.sinarharian.com.my/article/719513/edisi/utara/jualan-rahmah-madani-aidilfitri-di-66-lokasi-seluruh</a>	SINAR HARIAN
26-Mar	Pegawai KPDN menyamar cari peniaga 'tamak'	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1200795/pegawai-kpdn-menysamar-cari-peniaga-tamak">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1200795/pegawai-kpdn-menysamar-cari-peniaga-tamak</a>	HARIAN METRO
26-Mar	KPDN Sabah Catat Nilai Sitaan Lebih RM4 Juta, Periksa 21,456 Premis	<a href="https://www.sabahpost.net/2025/03/25/kpdn-sabah-catat-nilai-sitaan-lebih-rm4-juta-">https://www.sabahpost.net/2025/03/25/kpdn-sabah-catat-nilai-sitaan-lebih-rm4-juta-</a>	SABAH POST
26-Mar	AIDILFITRI: HARGA 23 BARANGAN DIKAWAL DI MELAKA	<a href="https://www.melakahariini.my/aidilfitri-harga-23-barangan-dikawal-di-melaka/">https://www.melakahariini.my/aidilfitri-harga-23-barangan-dikawal-di-melaka/</a>	MELAKA HARI INI
26-Mar	Malaysian Maritime Enforcement Agency steps up festive season patrols	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/254971/malaysian-maritime-enforcement-agency-steps-up-festive-">https://www.dailyexpress.com.my/news/254971/malaysian-maritime-enforcement-agency-steps-up-festive-</a>	DAILY EXPRESS
26-Mar	Program Jualan Rahmah MADANI diperluas di minggu akhir Ramadan - Armizan	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/program-jualan-rahmah-madani-diperluas-di-minggu-akhir-ramadan-">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/program-jualan-rahmah-madani-diperluas-di-minggu-akhir-ramadan-</a>	ASTRO AWANI
26-Mar	Program Jualan Rahmah ditambah pada minggu akhir Ramadan	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1200939/program-jualan-rahmah-ditambah-pada-minggu-">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1200939/program-jualan-rahmah-ditambah-pada-minggu-</a>	HARIAN METRO

26-Mar	KPDN tambah Program Jualan Rahmah Madani minggu akhir Ramadan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/kpdn-tambah-program-jualan-rahmah-madani-minggu-akhir-ramadan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/kpdn-tambah-program-jualan-rahmah-madani-minggu-akhir-ramadan/</a>	UTUSAN MALAYSIA
26-Mar	KPDN perluas program Jualan Rahmah MADANI seluruh negara menjelang Aidilfitri	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/03/25/kpdn-perluas-program-jualan-rahmah-madani-seluruh-negara-menjelang-aidilfitri/">https://www.tvsarawak.my/2025/03/25/kpdn-perluas-program-jualan-rahmah-madani-seluruh-negara-menjelang-aidilfitri/</a>	TV5
26-Mar	723 siri Jualan Rahmah Syawal sedang dijalankan di seluruh negara	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/723-siri-jualan-rahmah-syawal-sedang-dijalankan-di-seluruh-negara-x9gqh3s">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/723-siri-jualan-rahmah-syawal-sedang-dijalankan-di-seluruh-negara-x9gqh3s</a>	ASTRO AWANI
26-Mar	KPDN to increase Aidilfitri Rahmah MADANI sale programmes this week	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-to-increase-aidilfitri-rahmah-madani-sale-programmes-this-week-EP13851140#google_vignette">https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-to-increase-aidilfitri-rahmah-madani-sale-programmes-this-week-EP13851140#google_vignette</a>	THE SUN
26-Mar	PM arah KPDN pastikan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan dipatuhi	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/pm-arah-kpdn-pastikan-skim-harga-maksimum-musim-perayaan-dipatuhi/">https://www.buletintv3.my/nasional/pm-arah-kpdn-pastikan-skim-harga-maksimum-musim-perayaan-dipatuhi/</a>	TV3
26-Mar	723 Siri PJRM Aidilfitri Dilaksanakan Seluruh Negara	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/03/25/723-siri-pjrm-aidilfitri-dilaksanakan-seluruh-negara/">https://malaysiagazette.com/2025/03/25/723-siri-pjrm-aidilfitri-dilaksanakan-seluruh-negara/</a>	MALAYSIA GAZETTE
26-Mar	723 siri PGRM sempena Aidilfitri, ringankan beban masyarakat	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/723-siri-pgrm-sempena-aidilfitri-ringankan-beban-masyarakat">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/723-siri-pgrm-sempena-aidilfitri-ringankan-beban-masyarakat</a>	RTM
26-Mar	KPDN perluas Program Jualan Rahmah MADANI Aidilfitri	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-perluas-program-jualan-rahmah-madani-aidilfitri/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-perluas-program-jualan-rahmah-madani-aidilfitri/</a>	TV3

26-Mar	PJRM Aidilfitri Diperbanyak Di Minggu Akhir Ramadan - Armizan	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2406097">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2406097</a>	BERNAMA
26-Mar	723 siri Jualan Rahmah Aidilfitri dilaksanakan, harga barang turun hingga 30 peratus	<a href="https://malaysia-tribune.news/2025/03/25/723-siri-jualan-rahmah-aidilfitri-dilaksanakan-harga-barang-turun-hingga-30-peratus">https://malaysia-tribune.news/2025/03/25/723-siri-jualan-rahmah-aidilfitri-dilaksanakan-harga-barang-turun-hingga-30-peratus</a>	MALAYSIA TRIBUNE
26-Mar	PM akan turun padang tinjau pelaksanaan skim harga maksimum Aidilfitri	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/03/25/pm-akan-turun-padang-tinjau-pelaksanaan-skim-harga-maksimum-aidilfitri">https://malaysiagazette.com/2025/03/25/pm-akan-turun-padang-tinjau-pelaksanaan-skim-harga-maksimum-aidilfitri</a>	MALAYSIA GAZETTE
26-Mar	PM arah KPDN pastikan Skim Harga Maksimum Aidilfitri dipatuhi	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/pm-arah-kpdn-pastikan-skim-harga-maksimum-aidilfitri-dipatuhi/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/pm-arah-kpdn-pastikan-skim-harga-maksimum-aidilfitri-dipatuhi/</a>	UTUSAN MALAYSIA
26-Mar	PM arah KPDN pastikan Skim Harga Maksimum Aidilfitri dipatuhi	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pm-arah-kpdn-pastikan-skim-harga-maksimum-aidilfitri-dipatuhi">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pm-arah-kpdn-pastikan-skim-harga-maksimum-aidilfitri-dipatuhi</a>	RTM
26-Mar	PM arah KPDN pastikan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan dipatuhi	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1376810/pm-arah-kpdn-pastikan-skim-harga-maksimum-musim-perayaan-dipatuhi">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1376810/pm-arah-kpdn-pastikan-skim-harga-maksimum-musim-perayaan-dipatuhi</a>	BERITA HARIAN
26-Mar	Lima Peniaga Di Johor Dikompaun Gagal Pamer Tanda Harga Barang Kawalan	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2406046">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2406046</a>	BERNAMA
26-Mar	KPDN Selangor anjur Jualan Rahmah Madani, bantu rakyat berjimat	<a href="https://selangorkini.my/2025/03/kpdn-selangor-anjur-jualan-rahmah-madani-bantu">https://selangorkini.my/2025/03/kpdn-selangor-anjur-jualan-rahmah-madani-bantu</a>	SELANGOR KINI

26-Mar	Skim harga musim raya: KPDN Selangor periksa 948 premis niaga	<a href="https://selangorkini.my/2025/03/skim-harga-musim-raya-kpdn-selangor-periksa-948-premis-niaga/">https://selangorkini.my/2025/03/skim-harga-musim-raya-kpdn-selangor-periksa-948-premis-niaga/</a>	SELANGOR KINI
26-Mar	Program Jualan Rahmah Madani Terengganu jana jualan RM8 juta	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/03/25/program-jualan-rahmah-madani-terengganu-jana-jualan-rm8-juta/">https://www.kosmo.com.my/2025/03/25/program-jualan-rahmah-madani-terengganu-jana-jualan-rm8-juta/</a>	KOSMO
26-Mar	Santan kotak keluaran Thailand disahkan halal - Exco	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/719509/edisi/pahang/santan-kotak-keluaran-thailand-disahkan-halal---exco">https://www.sinarharian.com.my/article/719509/edisi/pahang/santan-kotak-keluaran-thailand-disahkan-halal---exco</a>	SINAR HARIAN